

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD 5 (82)
Tarikh: 4 Oktober 2013

KENYATAAN MEDIA

MBPJ, MGTC METERAI MOU

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menjalin kerjasama strategik bersama-sama Malaysian Green Technology Corporation (MGTC) dalam melaksanakan Low Carbon Cities Framework (LCCF) bagi menjadikan Petaling Jaya sebuah bandaraya bekarbon rendah.

MGTC agensi di bawah Kementerian Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) akan bertindak sebagai perunding untuk membantu MBPJ menyediakan maklumat asas dan memperkenalkan inovasi baharu dalam perancangan pembangunan.

MBPJ telah menerima pakai kerangka kerja LCCF yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan MGTC pada 14 Disember 2010. Bagi menggerakkan perancangan dan pelaksanaan program ini, MBPJ telah menubuhkan pasukan petugas Low Carbon Green City Of Petaling Jaya yang terdiri daripada ahli majlis, jabatan teknikal dan NGO.

Pelbagai program dan inisiatif telah dilaksanakan antaranya mengenakan syarat-syarat kebenaran merancang mesra alam seperti 'Green Building Index', manual Saliran Mesra Alam (MASMA), Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH), Teknologi Diod Pemancar Cahaya (LED) dan lain-lain terhadap pembangunan bandaraya Petaling Jaya.

Perancangan MBPJ adalah meneruskan lagi program dan inisiatif sedia ada selain memperkenalkan perkara-perkara baharu seperti konsep pembangunan berasaskan 'people centrix' yang akan mengutamakan pejalan kaki dan penunggang basikal serta menawarkan pelbagai pilihan mod pengangkutan kepada penduduk Petaling Jaya, mewujudkan skim rebat cukai taksiran kepada pemilik premis perniagaan.

Dengan termeterainya memorandum persefahaman ini, jalinan kerjasama antara MBPJ, KETTHA dan MGTC terus dipertingkatkan.

Peranan MGTC sebagai perunding dair segi membantu MBPJ menyediakan maklumat asa Petaling Jaya serta memperkenalkan inovasi baru dalam perancangan pembangunan amat

Amalan terbaik inisiatif, inovasi MBPJ dalam perancangan dan pelaksanaan sesuatu program telah dijadikan contoh dan penanda aras oleh PBT lain. MBPJ telah menerima lawatan dari delegasi Negara India, Pakistan, China dan lain-lain bagi meninjau dan mempelajari pelaksanaan program LCCF Majlis.

Disediakan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 010-4268050, ahmadiskandar@mbpj.gov.my